



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	7/9/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	25
JABATAN	:	JMG/JBPM			

Wujudkan sistem amaran bencana di Gunung Jerai

Sinar, 7 Sept

2021_25

ia mampu beri maklumat awal dan kurangkan impak bencana

ALOR SETAR

Satu sistem pra amaran perlu diwujudkan di kawasan Gunung Jerai untuk mengesan sebarang gegaran atau pergerakan tanah bagi membolehkan amaran awal disampaikan kepada penduduk di kawasan berkenaan sekiranya berlaku ancaman bencana.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Seri Mohammad Hamdan Wahid berkata, sistem berkenaan juga dilihat dapat membantu mengurangkan jumlah kehilangan nyawa yang terlibat dalam sesuatu bencana.

"Saya telah berbincang dengan Jabatan Mineral dan Geosains pada Ahad. Kita lihat kawasan Gunung Jerai yang mempunyai kecerunan muka bumi ini berisiko tinggi untuk berlaku bencana seperti fenomena kepala air pada 18 Ogos lepas terutamanya jika berlaku hujan lebat.

"Jadi, memang kena ada satu sistem pra amaran untuk kesan gegaran dan

dari situ kita boleh beri amaran kepada penduduk setempat," katanya kepada pemberita selepas lawatan kerja Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ismail Abd Muttalib di Ibu Pejabat JBPM Kedah pada Isnin.

Beliau berkata, sistem itu boleh diwujudkan dengan kerjasama daripada semua agensi terlibat untuk melihat beberapa perkara yang perlu dilakukan sebelum, semasa dan selepas terjadinya sesuatu bencana.

"Banyak yang kita dapat pelajari selepas bencana kepala air yang berlaku di Gunung Jerai bulan lepas. Saya ingin sarankan supaya buat latihan untuk orang kampung dan komuniti supaya mereka tahu apa yang perlu dilakukan pada masa berlakunya bencana," katanya.

Sementara itu, Mohammad Hamdan berkata, JBPM juga telah menubuhkan beberapa skuad yang diberi tanggungjawab untuk membantu operasi mencari dan menyelamatkan di kawasan pergunungan atau laut yang melibatkan malim gunung dan nelayan.

"JBPM telah menubuhkan pasukan khas di kawasan yang menjadi lokasi tumpuan dan kunjungan pengunjung. Contohnya, kita telah memilih malim gunung yang layak untuk menjadi Pegawai Bomba Bantuan (PBB) Pasukan Mencari dan Menyelamat Gunung (MOSAR) di Gunung

Kinabalu, Sabah.

"Kalau hendak tunggu anggota JBPM naik dan turun gunung memang akan ambil masa sedikit kerana kurang pakar dengan keadaan muka bumi di situ. Tetapi, malim gunung memang sudah tahu semua keadaan di situ jadi operasi mencari dan menyelamatkan itu dapat dilakukan dengan lebih cepat," katanya.

Tambahnya, selepas ini beberapa skuad lain akan turut ditubuhkan dan bagi kawasan Gunung Jerai ia juga boleh dilaksanakan dengan kolaborasi bersama agensi penguat kuasa lain termasuk malim gunung dan penduduk setempat.

Sebelum itu, pada program lawatan itu Ismail menyampaikan sijil penghargaan kepada anggota JBPM dan agensi penguat kuasa lain yang terlibat dalam operasi mencari dan menyelamatkan mangsa fenomena kepala air di Yan pada 18 Ogos lalu.


"Kita bersimpati dengan dugaan yang menimpa kesemua mangsa kepala air ini. Peruntukan juga telah diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebelum ini dan untuk pulihkan kawasan yang terjejas akibat bencana itu memang akan mengambil masa yang agak lama.

"Saya harap penduduk di Yan sentiasa berhati-hati kerana bimbang kemungkinan insiden itu berulang, tambahan pula kadar hujan turun lebih daripada biasa ketika ini," katanya. - *Bernama*



MOHAMMAD HAMDAN

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



KeTSAMalaysia